

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
KAWASAN : KUDAT
TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN :

YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan setakat manakah kemajuan pelaksanaan projek jalan raya Pan-Borneo di negeri Sabah telah dilaksanakan setakat ini dan bilakah projek ini khususnya di jajaran laluan pantai barat Sabah dan ke utara Sabah menuju ke Kudat dapat disiapkan. Berapakah peruntukan disediakan bagi maksud ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan pelaksanaan 35 pakej kerja bagi projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah turut merangkumi perancangan pembinaan jalan baru satu lorong dua hala (*single carriageway*) dari Tuaran ke Kudat dengan anggaran jarak 123 km. Perancangan ini telah dibahagikan kepada 6 pakej kerja, yang mana 1 pakej kerja iaitu dari Pituru ke Rampayan Laut telah memulakan pembinaan dengan kos pembinaan RM558.8 juta. Manakala baki 5 pakej kerja masih belum dibuat sebarang pelantikan kontraktor.

Sukacita ingin saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa Jemaah Menteri baru-baru telah bersetuju dengan cadangan hala tuju pelaksanaan projek LPB Sabah, iaitu antara lain supaya pelaksanaan projek diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas melibatkan 15 pakej kerja daripada keseluruhan 35 pakej kerja di peringkat awal perancangan. Baki 20 pakej kerja yang turut melibatkan 5 pakej kerja dari Tuaran ke Kudat dijadual akan dilaksanakan seawal Rancangan Malaysia Keduabelas, di mana ianya turut tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.